


Rajah di bawah ini merupakan sebahagian daripada cabang pendidikan maya yang diperkenalkan di negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang cadangan-cadangan agar pembelajaran maya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Lengkapkan karangan dengan perkataan yang sesuai. (KBAT) Menganalisis; Menilai

CADANGAN PEMBELAJARAN MAYA



Pendidikan maya amat _____ (popular, malap) pada masa ini. Pendidikan maya merupakan satu bentuk pendidikan masa _____ (silam, hadapan) yang akan _____ (memaksimumkan, meminimumkan) penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan ini telah dilaksanakan dengan pengenalan konsep pembelajaran Sekolah Bestari, *E-learning*, Universiti _____ (Terbuka, Tertutup) dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), serta Pembelajaran Maya Frog (Frog VLE). Walau bagaimanapun, pendidikan maya mempunyai kebaikan dan kelemahannya yang tersendiri.

Beberapa _____ (cadangan, bantahan) agar pembelajaran maya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan telah dikemukakan. Antaranya termasuklah menyediakan kursus teknologi dan inovasi khusus untuk tenaga _____ (pelajar, pengajar). Kursus-kursus berkaitan dengan teknologi dan inovasi ini bertujuan untuk _____ (memantapkan, melemahkan) proses pengajaran mereka. Oleh hal yang demikian, guru dan pensyarah perlu melengkapkan diri dengan kemahiran komputer _____ (seiring, seiras) dengan perkembangan teknologi. Kemahiran ini sangat _____ (penting, remeh) kerana teknologi dan inovasi sentiasa mempunyai pembaharuan impak daripada penemuan teknologi baharu.

Selain itu, pihak universiti disarankan melakukan _____ (penyemakan, penyelidikan) dan kajian dari aspek pentadbiran sistem pendidikan jarak _____ (dekat, jauh), teknologi pendidikan yang menggunakan e-mel, sidang video, dan sebagainya. Kebajikan dan hal-ehwal pelajar berbentuk nasihat dan kaunseling kepada pelajar pendidikan jarak jauh yang mempunyai masalah _____ (pembelajaran, pengajaran) perlu ditekankan juga. Keadaan ini bertujuan untuk membaiki _____ (kelebihan, kekurangan) dan mengetahui keberkesanan pendidikan jarak jauh.

Cadangan yang seterusnya ialah memberikan _____ (pengharapan, penghargaan) kepada tenaga pengajar yang _____ (lemah, cemerlang). Penghargaan ini dapat memberikan _____ (cemuhan, dorongan) kepada mereka untuk berusaha lebih gigih. Mereka juga akan _____ (meningkatkan, menurunkan) pemahaman murid-murid lagi dengan cetusan idea-idea baharu dalam proses mengajar dengan menggunakan teknologi yang canggih. Tepat sekali jika dikatakan bahawa pendidikan maya dapat dilaksanakan dengan lebih _____ (berhemah, berkesan) apabila tulang belakang di sebalik pelaksanaannya _____ (diraikan, diserikan) dan dihargai oleh semua pihak.

Akhirulkalam, sekiranya pendidikan maya dilaksanakan secara menyeluruh di negara kita, minda murid-murid akan lebih terdedah pada dunia _____ (globalisasi, urbanisasi). Sehubungan dengan itu, konsep pembelajaran sepanjang hayat menerusi pendidikan maya patut dimanfaatkan sebaik mungkin. Pelbagai pihak sama ada pihak swasta ataupun badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak kerajaan pula perlulah _____ (pijak-memijak, bahu-membahu) "bagai aur dengan tebing" untuk _____ (membangunkan, meruntuhkan) sistem pendidikan maya di negara kita.